

Sombong Dan Yang Seumpamanya

“Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong” (An-Nahl:23)

Rasulullah s.a.w. bersabda,

“Dikala seorang laki-laki berjalan dengan bongkak, tiba-tiba Allah membenamkannya ke bumi, maka dia pun terbenam di dalamnya sampai hari kiamat.”²

Orang yang dimaksudkan dalam hadits di atas adalah Qarun.

Baginda s.a.w juga bersabda, *“Para pemimpin yang bengis dan orang-orang yang sombong akan dikumpulkan pada hari kiamat kelak dalam keadaan seperti debu yang dipijak-pijak oleh manusia. Mereka diliputi kehinaan dari berbagai penjuru.”²*

Sebahagian salaf berkata, *“Dosa yang pertama kali dilakukan adalah perbuatan sombong.”* Allah berfirman, *“Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat, ‘Sujudlah kamu kepada Adam’, maka bersujudlah mereka kecuali iblis; ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir.” (Al-Baqarah: 34)*

Maka, barangsiapa bersikap sombong (takabur) terhadap kebenaran, nescaya keimanannya tidak dapat memberikannya manfaat; seperti yang dilakukan oleh Iblis.

Dalam sebuah hadits Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tidak akan masuk syurga seseorang yang di hatinya ada seberat biji sawi kesombongan”³

Allah berfirman:

“Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri”. (Luqman: 18)

Dalam sebuah hadits qudsi disebutkan bahawa Allah berfirman:

“Keagungan adalah pakaianKu, kesombongan adalah jubahKu; barangsiapa menarik keduanya dariKu nescaya Aku lemparkan ia ke neraka.”⁴

Rasulullah s.a.w. bersabda, *“Syurga dan neraka berbantahan. Syurga berkata, ‘Mengapa yang memasukiku hanyalah orang-orang yang lemah dan rendah? Neraka berkata, ‘Aku diistimewakan dengan orang-orang yang bengis dan sombong.”⁵*

Allah berfirman:

Dan janganlah kamu memalingkan muka dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri. (Luqman: 18)

Salamah bin Akwa' berkata, "Seseorang makan dengan tangan kirinya dekat Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda, 'Makanlah dengan tangan kananmu!' Laki-laki itu menjawab, 'Aku tidak boleh!' Maka Rasulullah bersabda, 'Semoga kamu benar-benar tidak dapat! Tidak ada sesuatu pun yang menghalanginya untuk melaksanakan perintah Rasulullah kecuali kesombongan. Maka orang itu pun tidak dapat mengangkat tangan kanannya ke mulutnya selepasnya'"⁶

Rasulullah s.a.w. bersabda:

*"Mahukah kamu aku beritahu tentang penghuni neraka? Iaitu tiap-tiap 'utul jawazh, dan orang yang sombong."*⁷

'Utul adalah orang yang kasar dan kejam. Jawazh adalah orang yang banyak mengumpulkan harta dan sangat bakhil, atau orang yang bongkak dalam berjalan, atau orang yang menjadi hamba kepada perutnya.

Abdullah bin Umar r.a berkata, "Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, 'Tidak ada seorang pun yang berjalan dengan bongkak dan berbangga diri kecuali ia akan berjumpa dengan Allah sedangkan Dia murka kepadanya.'"⁸

Abu Hurairah r.a meriwayatkan sebuah hadits, bunyinya, "Tiga golongan yang mula-mula masuk neraka; pemimpin yang zalim, orang kaya yang tidak membayar zakat, dan orang miskin yang bongkak."⁹

Rasulullah s.a.w. bersabda:

*"Tiga golongan orang yang tidak akan dipandang oleh Allah pada hari kiamat. Tidak disucikanNya, dan akan mendapat siksa yang pedih; orang yang melakukan isbal, orang yang mengungkit-ungkit kebaikannya sendiri, dan orang yang menjual dagangannya dengan sumpah palsu"*¹⁰

Orang yang "melakukan isbal" adalah orang mengulurkan (memanjangkan) kain, seluar, atau bajunya sehingga melebihi kedua mata kakinya (dengan perasaan sombong-pent), sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w, "Kain sarung yang diturunkan melewati mata kaki tempatnya (orang yang melakukannya) di neraka." ¹¹

Kibr yang paling buruk adalah *kibmya* seseorang terhadap orang lain kerana ilmu yang dimilikinya dan dia merasa besar dengan kelebihan yang dimilikinya. Sesungguhnya, tidak bermanfaat ilmunya. Kerana orang yang menuntut ilmu untuk akhirat ilmunya akan membuatnya insaf, mengkhusyukan hatinya, dan menenangkan jiwanya. Juga, ia akan selalu berwaspada, tidak leka bahkan bermuhasabah setiap masa. Kerana jika ia sampai lalai dari hawa nafsunya, maka ia akan melencong dari "*shirath mustaqim*" dan akan menghancurkan dirinya. Adapun orang yang menuntut ilmu untuk dibanggakan, mencari kedudukan, merendah-

rendahkan orang Islam yang lain, menganggap mereka bodoh, serta memandang hina mereka, sesungguhnya inilah *kibr* yang paling dahsyat. Dan tidak akan masuk syurga orang yang di hatinya ada *kibr* walau seberat biji sawi.

Tiada daya dan kekuatan kecuali dari Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

NOTA KAKI:

1. Sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (2/315/531), Al-Bukhari (2789), dan Muslim (2088) dari Abu Hurairah dan diriwayatkan oleh Al-Bukhari (2790) dari Ibnu Umar.
2. Hasan. Diriwayatkan oleh Ahmad (2/279) dan At-Tirmizi (2623) dari Ibnu Amr dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam Sahih Al-Jami (8040)
3. Sahih. Diriwayatkan oleh Muslim (91), Abu Daud (4091), At-Tirmizi (1998), Ibnu Majah (4173), Ahmad (1/412), Ibnu Hibban (224) dan Ath-Thabrani (10000) dari Ibnu Mas'ud.
4. Diriwayatkan oleh Ahmad (2/444), Muslim (2620), Abu Daud (4090), dan Ibnu Majah (4174) dari Abu Hurairah
5. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (4848,4849,4850), Muslim (2846) dan At-Tirmizi (2686) dari Abu Hurairah
6. Diriwayatkan oleh Ahmad (4/45-46), Muslim (2021), Ibnu Hibban (6513) dan Ath-Thabrani (6236).
7. Sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (4/306), Al-Bukhari (4918), Muslim (2853), At-Tirmizi (2732) dan Ibnu Majah (4116) dari hadits Haristsah bin Wahb
- 8 Sahih Diriwayatkan oleh Ahmad (2/118), Al-Bukhari dalam *Al-Adab Al-Mufrad* (549), Al-Hakim (1/60), Al-Kharaiithi dalam *Al-Masawi* (577). Dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam *Ash-Sahihah* (2272) dan *Sahih Al-Jami* (5711)
9. Isnadnya dha'if diriwayatkan oleh Ahmad (2/425), Ath-Thayalisi (2567), At-Tirmizi (1642), Ibnu Hibban (4312), Al-Hakim (1/387) dan Al-Baihaqi (4/82) dari Amir Al-Uqaili bahawa bapanya mengkhabarkan kepadanya bahawasanya dia pernah mendengar Abu Hurairah dengan memarfukannya. Sedangkan Amir dan bapanya tidak diketahui identitinya.
10. Sahih. Diriwayatkan oleh Ahmad (5/148,162), Muslim (106), Abu Daud (4087), At-Tirmizi (1211) dan An-Nasa'i (7/240) dari Abu Zar.
11. Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5787) dari Abu Hurairah.

· Nota: Saringan oleh www.darulkautsar.net dari buku terjemahan "AL-Kabair (Dosa-dosa Besar)" karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- <https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>